

28 OCT 2003

Subramaniam-MIC

PEMIMPIN PARTI BN PERLU HORMAT KEPEMIMPINAN MIC

KUALA LUMPUR, Oct 28 (Bernama) -- Timbalan Presiden MIC Datuk S. Subramaniam hari ini meminta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menghormati dan tidak mempertikaikan keupayaan pemimpin MIC.

Sambil merujuk kepada kenyataan Presiden Parti Progresif Penduduk, Datuk M Kayveas bahawa tiada pemimpin dalam MIC yang boleh menggantikan kepimpinan presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, Subramaniam berkata ini kerana satu kenyataan yang menyinggung dan memperkecilkan keupayaan anggota MIC.

Subramaniam, yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, 600,000 anggota MIC dan pemimpin pelbagai peringkat parti itu adalah matang dan berpengalaman untuk memilih pemimpin mereka mengikut masa dan keadaan.

"Jika Presiden PPP itu hendak memuji Presiden MIC, itu adalah wajar dan baik. "Tapi kalau ia hendak bercakap tidak ada pemimpin (dalam MIC untuk menggantikan Samy Vellu) itu adalah satu fikiran nakal yang ingin memburukkan imej parti dan memperkecilkan 600,000 anggota parti itu," katanya pada sidang media di pejabatnya sini hari ini.

Kayveas dua hari lepas berkata hanya Samy Vellu sahaja merupakan pemimpin berkaliber untuk mengetuai masyarakat India buat masa ini.

Presiden Barisan Progresif India Malaysia (IPF) Datuk M.G Pandithan pada minggu lepas meminta Samy Vellu berundur berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu temu bual dengan Bernama, supaya pemimpin veteran parti komponen BN berundur bagi memberi laluan kepada pemimpin muda.

Subramaniam semasa memberi penjelasan mengenai kenyataan kedua-dua pemimpin PPP dan IPF itu berkata semua pihak, khususnya anggota MIC, menghentikan spekulasi mengenai perubahan kepimpinan dalam parti itu.

Beliau berkata nasihat yang diberikan oleh Dr Mahathir itu adalah secara umum, dan yang penting ialah bagi semua memberikan sokongan kepada pucuk pimpinan negara.

Katanya, negara kini sedang berada pada satu masa yang penting berikutan peralihan kuasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

" Nasihat yang penting adalah yang diberikan oleh Perdana Menteri secara umum. Yang lain-lain hanya mengeluarkan pendapat, dan itu tidak mustahak."

" Yang mustahak ialah Perdana Menteri mempunyai pengalaman begitu banyak dan telah membawa kemajuan dan pembanguann yang membanggakan serta sebagai pemimpin yang telah menerajui Barisan Nasional selama 22 tahun. Nasihatnya, itulah yang penting," katanya.

Subramaniam berkata setiap anggota BN juga mestilah memberi sokongan padu kepada Abdullah, dan juga sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang yang boleh diadakan pada bila-bila masa.

Malaysia akan mengadakan pilihan raya umum yang ke 11 apabila mandat kerajaan sedia ada tamat pada 20 Nov tahun depan.

Subramaniam apabila ditanya mengenai dakwaan sikapnya yang membisu berikutan kenyataan Pandithan mengenai Samy Vellu berkata: "...tidak perlu saya buat apa-apa. Nasihat yang diberi adalah oleh Perdana Menteri.

" Yang mahu jawab atau beri pandangan lain terpulanglah. Saya tiada ada apa-apa," katanya.

Mengenai kenyataan Pandithan bahawa parti itu akan dapat menyertai BN

jika Subramaniam memimpin MIC, beliau berkata pengambilan alih kepimpinan parti itu adalah spekulasi.

Subramaniam berkata pada masa ini, kemasukan IPF, parti serpihan MIC, ke dalam BN diputuskan oleh parti komponen BN dan bukannya MIC.

Pandithan sebelum ini mendakwa penghalang utama kemasukan parti itu ke dalam BN adalah Samy Vellu.

Subramaniam turut meminta anggota MIC di pelbagai peringkat supaya menghentikan spekulasi mengenai kepimpinan parti itu.

-- BERNAMA

HS HK BK